



Received: 2021-06-08

Accepted: 2021-07-08

Published: 2021-08-31

Original Article

## ELEMEN UTAMA MODEL PEMULIHAN HOLISTIK TERHADAP KOMUNITI LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER

Noor Hafizah bt Mohd Haridi<sup>a\*</sup>, Norsaleha bt Mohd Saleha<sup>a</sup>, Ahmad Munawar bin Ismail<sup>b</sup> & Nasrudin Bin Subhi<sup>b</sup>

<sup>a</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

<sup>b</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia

\* Corresponding author, email; noorhafizah@kuis.edu.my

### ABSTRAK

Pemulihan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial bagi memulihkan individu yang menghadapi masalah tingkah laku negatif. Pemulihan holistik adalah konsep pemulihan yang memperluas dan memperdalam proses tersebut. Hal ini tidak hanya membantu dalam mempromosikan sikap positif terhadap proses pemulihan, tetapi juga mengembangkan keterampilan sosial yang diperlukan untuk menghadapi dunia moden. Selain itu, pemulihan holistik juga harus mempertimbangkan tentang perubahan dan tantangan sosial budaya. Kajian bertujuan membangunkan model pemulihan holistik terhadap kumpulan LGBT. Kajian ini penting bagi menyumbang kepada usaha-usaha pemulihan LGBT oleh pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan. Pemulihan holistik dan komprehensif perlu dibangunkan iaitu pemulihan spiritual dan jasmani secara bersepadu. Kumpulan LGBT merupakan komuniti yang perlu dibantu dalam proses pemulihan. Justeru, model pemulihan holistik terhadap kumpulan LGBT perlu dibangunkan untuk membantu individu yang terlibat dalam gejala songsang ini kembali hidup mengikut cara hidup Islam dan kembali. Dalam mengimplementasikan kajian ini, teknik Fuzzy Delphi (FDM) telah digunakan. Dalam konteks ini sebuah model pemulihan holistik yang memfokuskan kepada elemen pemulihan yang menyeluruh dan komprehensif iaitu pemulihan spiritual dan jasmani secara bersepadu terhadap kumpulan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). Hasil kajian ini mendapat terdapat empat item utama membentuk model pemulihan yang dibangunakan iaitu kerajaan, badan bukan kerajaan, komuniti masyarakat dan komuniti LGBT.

**Keywords:** Model, Pemulihan Holistik, LGBT.

### Pengenalan

LGBT merupakan fenomena yang merebak di era moden sebagai bentuk penyimpangan seks. Perubahan era globalisasi yang semakin moden menyebabkan kehidupan masyarakat telah

mencorak dan menciptakan sejumlah konsep, istilah dan teori baru mengikut logik akal sendiri tanpa memikirkan kesan dan akibatnya di masa hadapan<sup>1</sup>. Jika di luar negara, isu ini sudah menjadi kebiasaan dan golongan ini telah diangkat ke tahap yang perlu dihormati sehingga perkahwinan sesama jenis adalah “dihalalkan” di sana. Semakin ramai artis dan idola barat yang secara terang-terangan tidak malu atau segan untuk mengaku bahawa mereka adalah gay atau lesbian malah ada yang sampai ke tahap melakukan pembedahan jantina.

LGBT juga boleh dikategorikan sebagai penyakit psikitari atas faktor kecelaruan pemikiran yang dihadapi. Penyakit ini juga tidak terhad kepada gender semata-mata tetapi turut merangkumi beberapa aspek lain seperti warna kulit, usia dan lain-lain. Dalam masyarakat Barat seperti di Amerika Syarikat, golongan LGBT masih dianggap oleh sesetengah kelompok masyarakat sebagai golongan tidak bermoral, tidak suci atau tidak berfungsi.<sup>2</sup> Sehingga tahun 1973, golongan LGBT disifatkan sebagai golongan yang mempunyai penyakit mental yang diwartakan dalam Manual Diagnostik dan Statistik Gangguan Mental (DSM) oleh Persatuan Psikiatri Amerika (APA, 1952).

Terkesan dengan arus liberalisme, Malaysia tidak terkecuali dijadikan sasaran oleh golongan LGBT ini untuk mendapatkan tempat dan pengiktirafan. Hal ini berlaku kerana gelombang budaya barat berideologi sekularisme terlalu mudah menular masuk ke dalam diri masyarakat seterusnya mempengaruhi minda dan tingkah laku seseorang (Muhammad Rashidi, 2017)<sup>3</sup>. Gejala LGBT di Malaysia semakin parah dan membimbangkan dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam kalangan generasi muda yang boleh mendorong mereka kepada tingkah laku songsang.<sup>4</sup> Fenomena ini bukan sahaja berlaku melibatkan remaja-remaja yang berpeleseran tetapi juga di institusi-institusi pengajian tinggi yang kita percaya boleh membentuk peribadi dan sahsiah pelajar, malahan juga lebih menyediakan turut menyelinap dalam kumpulan professional (Arif & Zubaidah, 2019)<sup>5</sup>.

Apa pun respons masyarakat terhadap isu LGBT yang sedang banyak diperkatakan hari ini pemahaman yang menyeluruh dan lebih mendalam perlu sebelum langkah dan usaha memperbaiki keadaan atau menghadapi isu ini boleh sama-sama dilaksanakan oleh semua pihak. Kesedaran wujudnya peranan semua pihak dan kerjasama antara mereka amat diperlukan adalah hakikat mutlak yang perlu disedari sebenarnya kerana isu LGBT amatlah

<sup>1</sup> Azmi, Khilman Rofi. "PENGEMBANGAN PANDUAN PELATIHAN MIND SKILLS DALAM KONSELING DENGAN MODEL EXPERIENTIAL LEARNING UNTUK MAHASISWA BIMBINGAN DAN KONSELING UNIVERSITAS NEGERI MALANG." SKRIPSI Jurusan Bimbingan dan Konseling & Psikologi-Fakultas Ilmu Pendidikan UM (2015).

<sup>2</sup> Crisp, Catherine, and Yolanda Padilla. "Lesbian, Gay and Bisexual Issues." Retrieved December 8 (2005): 2005.

<sup>3</sup> Ibrahim, Siddique Muhammad, and Muhammad Ayub al Rashidi. "صلة تأويل النص بأصول التخاطب في "العروبة." Journal of Islamic and Religious Studies 2, no. 1 (2017): 69-75.

<sup>4</sup> Afandi, Muhamad. "Meningkatkan Aktivitas dan Hasil Belajar Pendidikan Kewarganegaraan Melalui Model Pembelajaran Kooperatif Tipe STAD di MI Muhammadiyah Tanjung Inten." TERAMPIL: Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Dasar 6, no. 1 (2019): 1-13.

<sup>5</sup> Arif, Muhamad. "Penanaman Nilai-nilai Islam Dalam Membentuk Sopan Santun Anak Di Raudlatul Athfal Al-azhar Menganti." Cakrawala Dini: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini 10, no. 1 (2019): 31-41.

kompleks sifatnya. Di dalam surah al-Fatiha kita memohon kepada Allah SWT “tunjukkanlah kami jalan yang lurus” dan di dalam konteks LGBT ini kita patut meyakini bahawa Dia telahpun menunjukkan jalan yang perlu dituruti melalui ayat-ayat seperti Surah al-A’raaf, ayat 80-81: Ingatlah tatkala dia (Luth) berkata kepada kaumnya: Mengapa kamu mengerjakan perbuatan faahisyah (homoseksual), yang belum pernah dikerjakan oleh seorang pun sebelummu? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsumu, bukan kepada wanita malah kamu ini adalah kaum yang melampaui batas. Peringatan/pengajaran ini diulangi dalam Surah al-Ankabuut, ayat 28-29 dan apa yang terjadi kepada kaum Luth turut diceritakan lagi dalam ayat 33-34 Surah al-Qamar. Melalui ayat 73, Surah al-Anbiyyaa pula Allah menceritakan siapa (Nabi) Luth – orang yang diberi hikmah dan ilmu. Maka jika ia (Luth) mengatakan perbuatan homoseksual tersebut salah, maka usahlah disangkal seperti yang dibuat oleh sekumpulan ilmuan yang berlatar belakangkan ilmu agama sendiri di negara jiran misalnya. Di samping itu juga hadith yang diriwayatkan Jaabir mengatakan Rasulullah bersabda, “Tiada yang lebih aku takuti bagi umatku selain dari perlakuan kaum Luth”. Hadith Ahmad pula meriwayatkan Rasulullah SAW menjelaskan: “Dilaknati orang yang mengadakan hubungan jenis dengan haiwan dan mereka yang melakukan perlakuan (seks homoseksual) kaum Luth”.

Rentetan dengan itu, pebagai usaha dan pendekatan telah diambil daripada pelbagai pihak yang terlibat bagi menangani isu berkenaan antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri, Badan bukan kerajaan serta perseorangan. Berdasarkan senario tersebut, mendorong penyelidikan khusus dilaksanakan terhadap pemulihan LGBT bagi mencapai pemulihan yang holistik dan komprehensif dari segi pemulihan spiritual dan jasmani secara bersepada. Kajian ini bertujuan untuk mengenal dan mencadangkan model pemulihan holistik terhadap LGBT di Malaysia. Kajian ini memfokuskan komponen dan elemen-elemen pemulihan holistik bagi membantu golongan LGBT kembali kepada fitrah yang asal dan dapat menjalani kehidupan secara normal.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan teknik Fuzzy Delphi. Fasa-fasa di dalam teknik ini dipatuhi bagi menghasilkan model pemulihan holistik yang memfokuskan kepada elemen pemulihan yang menyeluruh dan komprehensif iaitu pemulihan spiritual dan jasmani secara bersepada yang melibatkan usaha daripada pelbagai pihak antaranya adalah kerajaan, badan bukan kerajaan, komuniti masyarakat dan komuniti LGBT yang berhijrah terhadap pemulihan LGBT. Pendekatan ini adalah bersandarkan kepada Richey dan Klien (2007) yang menegaskan bahawa sebuah kajian pembangunan adalah suatu kajian yang merangkumi proses yang amat teratur dan bersistematis di mana ia meliputi proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian sesuatu produk yang dihasilkan.

### **Analisa dan Perbincangan**

Melalui fasa rekabentuk model ini, terdapat 21 orang pakar telah dikenalpasti bagi melihat, membincangkan, menilai dan mengesahkan komponen utama dalam pembentukan model pemulihan holistik terhadap LGBT. Kesemua panel pakar ini telah dipertemukan di dalam suatu perbengkelan yang telah dijalankan bagi melihat keperluan keempat-empat komponen utama model. Kesemua komponen utama ini amat penting untuk diperbincangkan sama ada ia diterima atau ditolak seterusnya disahkan berdasarkan kesepakatan daripada sekumpulan pakar yang berpengalaman secara langsung dalam konteks kajian. Panel pakar yang dikenalpasti dan

terlibat dalam memberi cadangan dan pengesahan terhadap komponen-komponen utama di dalam model adalah seperti berikut:

1. Enam orang pakar yang terdiri daripada pekerja kerajaan mengikut bidang kepakaran masing-masing antaranya ialah pakar hak asasi manusia, dakwah sosial, sosiologi dakwah, tafsir dan bimbingan LGBT.
2. Empat orang pakar yang terdiri daripada aktivis badan bukan kerajaan.
3. Enam orang pakar yang mewakili pengamal LGBT yang berhijrah.
4. Enam orang pakar yang mewakili komuniti masyarakat

Dapatan Komponen Utama Model Pemulihan Holistik Terhadap LGBT Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)

Jadual 1.0 memaparkan dapatan kajian bagi komponen utama model pemulihan holistik terhadap LGBT berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan analisis kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Dapatan kajian ini menunjukkan nilai threshold (d) dan peratusan kumpulan pakar. Hasil kajian menunjukkan Nilai Threshold yang terhasil mestilah lebih kecil atau sama dengan nilai 0.2. Dalam konteks kajian ini, tiga titik perpuluhan digunakan. Maka setiap item yang mengandungi nilai threshold (d) yang tidak mencapai nilai 0.3 dan ke atas akan diterjemahkan sebagai di TERIMA berdasarkan kesepakatan pakar.

**Jadual 1.0**

Bil	Komponen Utama	<i>Syarat Triangular Fuzzy Numbers</i>		<i>Syarat Defuzzification Process</i>				Kesepakatan Pakar
		Nilai <i>Threshold</i> , d	Peratusan Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)	
1.	Peranan Kerajaan	0.044	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950	Terima
2.	Peranan Badan Bukan Kerajaan	0.060	100.0	0.850	0.957	1.000	0.942	Terima
3.	Peranan Komuniti LGBT	0.075	100.0	0.819	0.962	1.000	0.927	Terima
4.	Peranan Komuniti Masyarakat	0.076	100.0	0.800	0.950	1.000	0.917	Terima
<b>Cadangan Komponen daripada Panel Pakar</b>								
1.	Tiada							

Hasil kajian menunjukkan elemen utama pembangunan Model Pemulihan Holistik terhadap komuniti LGBT adalah peranan kerajaan dengan mendapat nilai threshold (0.044), peranan badan bukan kerajaan threshold (0.060), peranan komuniti LGBT threshold (0.076) dan peranan

komuniti masyarakat threshold (0.076). Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan pembangunan model pemulihan holistik terhadap komuniti LGBT berdasarkan empat elemen utama.

Pemulihan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial bagi memulihkan individu yang menghadapi masalah tingkah laku negatif.<sup>6</sup> Pemulihan berasal daripada perkataan pulih yang bermaksud kembali kepada asal. Manakala pemulihan bermaksud usaha untuk memulihkan seseorang kepada asal.<sup>7</sup> Pemulihan dalam Islam ialah memulihkan seseorang pesalah jenayah daripada kesalahan yang dilakukan menerusi pembersihan dosa.

Kamus dewan edisi keempat mendefinisikan holistik adalah bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepada yg menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja: model ini bertujuan memberikan pandangan secara menyeluruh dan ~ bagi memahami konteks operasi sesuatu organisasi.

Holistik adalah salah satu ciri falsafah yang dimaksudkan kelengkapan dan kesempurnaan. Istilah ini sangat penting dalam pemulihan dan pendidikan kerana berkaitan dengan aspek intelektual, emosi, rohani, dan fizikal.<sup>8</sup>

Menurut Amie Primarni (2014), Holistik dalam perspektif Islam adalah mendasari dan merujuk kepada Allah SWT sebagai yang utama. Manusia dalam perspektif Islam dikurniakan empat unsur utama iaitu spiritual, intelektual, emosi dan fizikal-sensori. Paradigma holistik ini membawa dua aspek iaitu habluminallah dan habluminannas yang mana saling mempengaruhi antara satu sama lain. Terdapat tiga sumber yang berperanan dalam pembentukan perwatakan seorang individu Pertama dan utama adalah Allah SWT yang memberikan potensi positif dan negatif dalam diri manusia melalui potensi fitrahnya. Kedua, adalah ibu bapa sebagai pola asuh. Dan ketiga, adalah pengaruh masyarakat yang beramal soleh.

Hare dalam Ranjani Balaji Iyer (2015) menjelaskan, bahawa pemulihan holistik adalah konsep pemulihan yang memperluas dan memperdalam proses tersebut. Hal ini tidak hanya membantu dalam mempromosikan sikap positif terhadap proses pemulihan, tetapi juga mengembangkan keterampilan sosial yang diperlukan untuk menghadapi dunia moden. Selain itu, pemulihan holistik juga harus mempertimbangkan tentang perubahan dan tantangan sosial budaya.

Apabila menganalisis matlamat pemulihan dalam kehidupan, yang menjadi objek adalah manusia itu sendiri iaitu perilaku dan tingkah laku manusia. Matlamat pemulihan selaras dengan matlamat hidup manusia dalam membina tamadun bangsanya. Berdasarkan analisis falsafah menunjukkan bahawa al-Ghazali menggariskan pemulihan holistik hendaklah mencari keutamaan jiwa dan kebahagiaan dunia dan akhirat. Keutamaan jiwa adalah matlamat kehidupan dalam aspek rohani dan jasmani sedangkan kebahagiaan dunia dan akhirat adalah matlamat kehidupan secara holistik.

<sup>6</sup> Armstrong, Felicity, and Len Barton. *Disability, human rights and education: Cross cultural perspectives*. McGraw-Hill Education (UK), 1999.

<sup>7</sup> Noresah, Baharom, and A. Ibrahim. "Kamus Dewan Edisi Keempat." Dewan Bahasa dan Pustaka (2005).

<sup>8</sup> Sudrajat, Adi, and Atika Zuhrotus Sufiyana. "FILSAFAT PENDIDIKAN ISLAM DALAM KONSEP PEMBELAJARAN HOLISTIK PENDIDIKAN AGAMA ISLAM." *Andragogi: Jurnal Ilmiah Pendidikan Agama Islam* 2, no. 2 (2020): 38-47.

Selain itu, pemulihan holistik ini boleh dicapai dalam pembentukan akhlak iaitu pembersihan jiwa dari kekotoran jiwa.<sup>9</sup> Prinsipnya bahawa matlamat pemulihan secara holistik adalah membersihkan jiwa dari segala yang dapat mengotori jiwa samada mengerjakan perbuatan yang baik dan menjauhi perbuatan yang buruk.

Ibn Miskawayh merupakan seorang pengarang yang telah mempersembahkan kitab terawal dalam falsafah akhlak dalam bentuk yang sistematik. Bahkan beliau memberikan pujian kepada Miskawayh sebagaimana yang tertulis: “*This is the most important book on philosophical ethics in Muslim literature*”.<sup>10</sup> Analisis interpretasi menunjukkan bahawa Miskawayh telah menggariskan metod-metod yang konsisten dalam merealisasikan matlamat pendidikan terhadap pemulihan. Bukan sahaja merumuskan teori dan praktikal tetapi telah meletakkan kedua-dua unsur tersebut sebagai suatu cabang disiplin ilmu.

Pemulihan holistik dan bersepada menyedari kesepaduan aqal, jasad dan roh (intelek, Jasmani dan rohani). Justeru keseimbangan dan keharmonian Intelek, Rohani, Emosi dan Jasmani perlu dipupuk dan diberi perhatian sepanjang proses pemulihan tersebut.

Antara pengkaji-pengkaji Barat yang memfokuskan kajian berkaitan sumber-sumber program dan aktiviti-aktiviti perlaksanaan pemulihan iaitu Gendreau dan Ross (1987); Hollin, Epps dan Kendrick (1995); Barton (1999); Bramley(1996); Brower (2013) serta Bartollas dan Schmalleger (2014). Daripada kajian-kajian pengkaji-pengkaji ini, didapati bahawa ciri-ciri pemulihan yang berjaya bukan sahaja dari segi pendekatan yang digunakan tetapi juga elemen-elemen pelaksanaan program seperti penyediaan kemudahan, kemahiran pelaksana, sikap pelaksana, proses pengajaran, sokongan pentadbir dan penilaian program. Kesemua elemen ini dikatakan sebagai penggerak kepada sesebuah program pemulihan.

Justeru, dalam konteks pemulihan komuniti LGBT berhijrah di Malaysia pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, komuniti LGBT dan komuniti masyarakat memaikan peranan dalam usaha pemulihan. Perkara ini penting bagi membantu memastikan komuniti LGBT berhijrah tidak kembali kepada cara hidup songsang dan akhirnya menyumbang kepada masalah peningkatan gejala sosial khususnya yang berkaitan dengan peningkatan kes HIV dan AIDS di Malaysia.

## Kesimpulan

Berdasarkan analisis kajian yang dijalankan. Jelas menunjukkan bahawa, setiap pihak perlu bersatu dalam usaha membantu pemulihan komuniti LGBT di Malaysia. Fenomena LGBT di Malaysia mestilah ditangani secara serius. Selain peningkatan individu yang terlibat dengan gaya hidup songsang dari masa ke masa serta peningkatan kes melibatkan penyakit HIV dan AIDS atau penyakit kelamin yang lain. Orientasi kehidupan songsang ini jelasnya perlu difahami bukan hanya melibatkan penyakit fizikal dan mental bahkan jika disahkan melalui undang-undang boleh dan telah pun terbukti merosakkan keturunan manusia. Jelaslah betapa LGBT mampu memusnahkan maqasid syariah yang melindungi nasab dan keturunan dengan sekilip mata. Bagi mereka yang mengakui beragama Islam, Allah SWT mengingatkan kita di dalam Surah as-

---

<sup>10</sup> Radez, John Peter. Ibn Miskawayh, the Soul, and the Pursuit of Happiness: The Truly Happy Sage. Lexington Books, 2019.

Shaff (1-5), Dia amat tidak menyukai orang yang tidak berbuat seperti yang diperkatakan dan sekiranya setelah ia tahu apa yang salah dan yang betul, manusia yang mengakui Muslim itu masih melakukan yang dilarang, maka Allah akan benar-benar akan menyelewengkan hatinya. Pemulihan LGBT perlu dilakukan secara holistik dan tidak hanya meletakkan pihak-pihak tertentu sebagai autoriti dalam proses pemulihan yang dijalankan.

## Rujukan

Adi Sudrajat, Atika Zuhrotus Sufiyana, Filsafat Pendidikan Islam Dalam Konsep Pembelajaran Holistik Pendidikan Agama Islam 1universitas Islam Malang, Universitas Islam Malang

Afandi, Muhamad. "Meningkatkan Aktivitas dan Hasil Belajar Pendidikan Kewarganegaraan Melalui Model Pembelajaran Kooperatif Tipe STAD di MI Muhammadiyah Tanjung Inten." TERAMPIL: Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Dasar 6, no. 1 (2019)

Al-Ghazali. (1967). *Al-Munqidh min al-Dalal wa al-Muwassil ila dhi al-'Izzah wa al-Jalal*. Edited with introduction by Jamil Saliba and Kamil 'Ayyad. 7th ed. Bayrut: Dar al-Andalus, [Munqidh].

Al-Ghazali. (1986). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Edited by Zayn al-Din Abi al-Fadl 'Abd al-Rahim ibn al-Husayn al-'Iraqi. 4 volumes. Bayrut: Dar al-Ma'rifah, [*Ihya'*].

Amie Primarni, Husnah, Asmaul, 2018/05/26, Konsep Pendidikan Holistik menurut Pemikiran Muchlas Samani dan Implementasinya pada Sistem Pendidikan Indonesia, VL - 2, 10.21070/ja.v1i3.1221, Adabiyah : Jurnal Pendidikan Islam

Andragogi: Jurnal Ilmiah Pendidikan Agama Islam  
<http://riset.unisma.ac.id/index.php/ja/issue/view/696> Volume 2 Nomor 2 Tahun 2020 e-ISSN: 2655-948X <http://u.lipi.go.id/1548306171> This work is licensed under Creative Commons Attribution Non Commercial 4.0 International License Available online on: <http://riset.unisma.ac.id/index.php/fai/index>

Arif, Muhamad. "Penanaman Nilai-nilai Islam Dalam Membentuk Sopan Santun Anak Di Raudlatul Athfal Al-azhar Menganti." Cakrawala Dini: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini 10, no. 1 (2019).

Azmi, Khilman Rofi. "PENGEMBANGAN PANDUAN PELATIHAN MIND SKILLS DALAM KONSELING DENGAN MODEL EXPERIENTIAL LEARNING UNTUK MAHASISWA BIMBINGAN DAN KONSELING UNIVERSITAS NEGERI MALANG." SKRIPSI Jurusan Bimbingan dan Konseling & Psikologi-Fakultas Ilmu Pendidikan UM (2015)

Barton, B. (2010). "Abomination"—Life as a Bible belt gay. *Journal of Homosexuality*, 57(4), 465-484. doi:10.1080/00918361003608558

Campus Climate for Gay, Lesbian, and Bisexual Students: A Survey of Faculty, Staff and Students Amanda D. Barton Eastern Illinois University This research is a product of the graduate program in Counseling and Student Development at Eastern Illinois University. Find out more about the program.

Crisp, C. & Padilla, Y. (1996). Gay, Lesbian, and Bisexual Issues. This represents a revision of the 1996 Gay, Lesbian, and Bisexual Issues Policy.

Edukasi Islami Jurnal Pendidikan Islam VOL. 03, Januari 2014 Edukasi Islami Jurnal Pendidikan Islam

صلة تأويل النص بأصول "Ibrahim, Siddique Muhammad, and Muhammad Ayub al Rashidi. "الخطاب في العربية." *Journal of Islamic and Religious Studies* 2, no. 1 (2017).

Jurnal Ilmi Journal of Ilmi Jilid 9, 2019: 30-43 Jenayah Syariah Golongan Mak Nyah: Isu Dan Masalah Penguatkuasaan Di Negeri Melaka Mohd Arif Ariffin Abu Bakar1 & Siti Zubaidah Ramli2

Lobaugh, Edward R., Paul T. Clements, Jennifer B. Averill, and David L. Olguin. "Gay-male couples who adopt: Challenging historical and contemporary social trends toward becoming a family." *Perspectives in psychiatric care* 42, no. 3 (2006).

Miskawayh. (1966). *Tahdhīb al-Akhlāq*. Beirut.

Mohd. Kamil b. Hj Abd.Majid (1988). *Cabaran Umat Dewasa Ini: Suat Penyelesaian Menurut Islam*. Kuala Lumpur : Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya.

Muhammad Idris Abdul Rauf Marbawii (2006) Kamus Idris Marbawi ArabMelayu. Kuala Lumpur:Darul Fikir.

Muhammad Rashidi Wahab. (2017). Pemikiran liberalisme dalam wacana agama dan ancamannya di Malaysia. Kerta kerja Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-9. Anjuran MUAFAKAT, JAKIM, MAIWP. Putrajaya, 17 Januari.

Noor Hafizah bt. Mohd Haridi (2016), Metodologi Dakwah Terhadap Golongan LGBT: Analisis Terhadap Persatuan Amal Firdausi (PAFI), Bangi:KUIS.

Nor Raudah Hj. Siren .2006. *Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Perlaksanaan*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

Noresah, B. (2005). Kamus Dewan ed. ke 4 (p.457). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perry N. Halkitis et.al, The Meanings and The Manifestations of Religion and Spirituality Among Lesbain, Bisexual and Transgender, *Journal Adult Development* 16(2), 2009. Social Media and Lgbt Community, Akses 30 Julai 2015, <http://www.salzburg.umd.edu/unesco/social-media-and-lgbtcommunity>

Tang, C.W., & Wu, C.T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: a voice from inside the university. *Higher Education*(3).